

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

Kelembapan ekonomi, inflasi jejas sentimen perniagaan

# Kelembapan ekonomi, inflasi jejas sentimen perniagaan

Sentimen perniagaan untuk jangka masa pendek bertukar pesimistik apabila petunjuk keyakinan merosot kepada -3.1 peratus pada suku tahun kedua 2023 daripada 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Jangkaan ini adalah selari dengan kelembapan ekonomi global yang berterusan termasuk tekanan inflasi, jelas DOSM yang menerbitkan Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Kedua 2023, semalam.

DOSM berkata, tiga sektor iaitu sektor pembinaan, perdagangan borong & runcit dan industri menjangkakan keadaan perniagaan yang mencabar pada suku tahun kedua 2023.

Ia berkata, keyakinan perniagaan bagi sektor pembinaan kekal di trajektori negatif dengan petunjuk keyakinan mencatatkan -26.9 peratus pada suku tahun rujukan.

"Manakala, sektor perdagangan borong & runcit serta industri berubah pesimistik pada suku tahun yang sama.

"Responden dalam sektor perdagangan borong & runcit menjangkakan prospek perniagaan yang kurang menggalakkan dengan petunjuk keyakinan sebanyak -10.2 peratus pada suku tahun kedua 2023 berbanding 4.0 peratus pada suku yang lalu, di mana kedua-dua subsektor mencatatkan persepsi yang tidak menggalakkan," katanya.

DOSM berkata, sektor industri juga meramalkan keadaan perniagaan yang kurang menggalakkan pada suku tahun kedua 2023 apabila petunjuk keyakinan merekodkan -2.1 peratus daripada 1.1 peratus sebelumnya.

### Tunjuk keyakinan

"Walaupun bagaimanapun, sektor perkhidmatan terus optimistik terhadap prestasi perniagaan dengan petunjuk keyakinan 3.9 peratus pada suku tahun yang sama berbanding 11.4 peratus pada suku tahun pertama 2023," katanya.

Kenyataan DOSM itu berkata, dalam tempoh enam bulan akan datang iaitu April hingga September 2023, tinjauan perniagaan kekal positif dengan imbalan bersih 14.9 peratus daripada 12.1 peratus yang dicatatkan sebelumnya.

Ia berkata perkhidmatan me-

nunjukkan sektor yang paling optimistik, mencatat imbalan bersih yang lebih baik iaitu 30.1 peratus berbanding 28.0 peratus bagi separuh pertama tahun 2023.

Katanya, semua subsektor di bawah sektor perkhidmatan meramalkan keadaan perniagaan yang menggalakkan dalam tempoh enam bulan akan datang.

"Pada masa yang sama, sektor industri mencatatkan imbalan bersih yang lebih cerah dengan 15.6 peratus bagi enam bulan akan datang berbanding 2.4 peratus yang dicatatkan sebelum ini.

"Sebaliknya, sektor pembinaan menjangkakan situasi perniagaan yang kurang menggalakkan untuk enam bulan akan datang, berakhir September 2023 dengan imbalan bersih sebanyak -7.7 peratus daripada 7.1 peratus sebelumnya.

"Begitu juga, sentimen dalam sektor perdagangan borong & runcit berubah pesimistik dengan imbalan bersih -4.7 peratus berbanding 16.7 peratus yang dicatatkan bagi tempoh Januari hingga Jun 2023," katanya.